

**PEMBINAAN KESEDARAN DISIPLIN PELAJAR MELALUI  
PEMBELAJARAN PAFA**

**NURIN BIN ABDUL MAJID**

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi  
sebahagian daripada syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal  
(Rekabentuk Instruksional & Teknologi)

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**JULAI 2012**

## ABSTRAK

Pendekatan secara Islam melalui PAFA diharapkan dapat meningkatkan kesedaran disiplin dalam kalangan pelajar. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sama ada terdapat kesedaran disiplin pelajar selepas pembelajaran PAFA serta melihat sama ada terdapat perbezaan kesedaran disiplin berdasarkan jantina, aliran dan gred kelas pelajar. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah tinjauan. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik. Subjek kajian terdiri daripada 36 orang pelajar SMK Dato' Onn yang dipilih secara rawak mudah bagi kajian ini. Satu kajian rintis dijalankan untuk mengukur kebolehpercayaan instrumen kajian. Data yang dikumpulkan daripada borang Soal Selidik dianalisis menggunakan analisis Model Rasch dengan perisian Winstep versi 3.69.1.11. Data dianalisis berdasarkan *Differential Group Functioning* (DGF) bagi melihat perbezaan kesedaran disiplin pelajar selepas pembelajaran PAFA berdasarkan jantina, aliran dan gred kelas. Hasil kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan kesedaran disiplin yang signifikan antara pelajar lelaki dengan perempuan setelah pembelajaran PAFA. Dapatkan juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan kesedaran disiplin yang signifikan antara aliran sains dengan aliran lain. Hasil kajian hanya menunjukkan pelajar aliran teknik dan vokasional mempunyai tahap kesedaran yang tinggi berbanding aliran sains dan sastera. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kesedaran disiplin pelajar berdasarkan kelas. Ini menunjukkan gred kelas bukanlah faktor yang menentukan kesedaran disiplin pelajar melalui pembelajaran PAFA.

**ABSTRACT**

PAFA, which is based on the Islamic teachings, is hoped to be useful in increasing or improving the students discipline. So, the purpose of the study was firstly, to identify the difference of students disciplinary after PAFA lessons, and to observe the difference based on gender, field of studies and grades or classes. The study was done based on the observation method. The instrument used for the study was the questionnaire. 36 students of SMK Dato' Onn were chosen at random as the subjects of the study. The first case study was done to measure the reliability of such instrument. The collected data based on the given questionnaire were analysed by using Rasch Model with Winstep software version 3.69.1.11. The data were analysed based on Differential Group Functioning (DGF) to see the difference of students disciplinary after PAFA lessons in terms of gender, field of studies and grades or classes. After such study there was not much difference and was not of great significance for the boys and girls after PAFA lessons. As for the field of studies, there was not much difference between science stream and others. The study only showed that the technical and vocational students had higher level of disciplinary compared to the science and arts students. The study also showed that there was not much difference in terms of grades or classes. As such, grades or classes was not the main or major factor in increasing or improving the students discipline via PAFA lessons.

## **KANDUNGAN**

<b>TAJUK</b>	i
<b>DEDIKASI</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	ix
<b>SENARAI RAJAH</b>	x
<b>SENARAI SIMBOL/SINGKATAN</b>	xi
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xii
 <b>BAB 1</b>	
<b>PENDAHULUAN</b>	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang masalah	2
1.3 Pernyataan masalah	3
1.4 Tujuan kajian	4
1.5 Objektif kajian	5
1.6 Persoalan kajian	5
1.7 Hipotesis kajian	5
1.8 Skop kajian	6
1.9 Batasan kajian	6
1.10 Kepentingan kajian	7
1.11 Jangkaan dapatan	7
1.12 Kerangka konsep	8
1.13 Definisi operasi	9
1.13.1 Perkara Asas Fardu Ain (PAFA)	9
1.13.2 Kesedaran	9

1.13.3	Disiplin	10
1.13.4	Jantina	10
1.13.5	Aliran	10
1.13.6	Gred kelas	11
1.14	Rumusan	11
<b>BAB 2</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b>	12
2.1	Pengenalan	12
2.2	Kesedaran	12
2.3	Disiplin	13
2.3.1	Peraturan sekolah	14
2.3.2	Jawatankuasa pemuaafakatan disiplin sekolah	16
2.4	Perkara Asas Fardu Ain (PAFA)	16
2.4.1	Matlamat pembelajaran PAFA	17
2.4.2	Prosedur penilaian PAFA	19
2.4.3	Tenaga pengajar PAFA	19
2.5	Pendidikan Moral	20
2.5.1	Objektif Pendidikan Moral	21
2.5.2	Prinsip Pendidikan Moral	21
2.6	Teori yang berkaitan	22
2.6.1	Teori pembelajaran sosial Bandura	22
2.6.2	Teori konsep kendiri	22
2.7	Kajian-kajian lepas	23
2.7.1	Kajian berkaitan PAFA	23
2.7.2	Kajian berkaitan disiplin	24
2.7.3	Kajian berkaitan jantina	25
2.7.4	Kajian berkaitan aliran	26
2.7.5	Kajian berkaitan gred kelas	27
2.8	Rumusan	27
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	28
3.1	Pengenalan	28
3.2	Reka bentuk kajian	28
3.3	Populasi	29

3.4	Sampel	29
3.5	Instrumen kajian	30
3.6	Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen	31
3.7	Kajian rintis	32
3.7.1	Kajian rintis bagi kapasiti item	33
3.7.2	Polariti item ( <i>Item polarity</i> )	35
3.7.3	Pengukuran item ( <i>Item measure</i> )	36
3.7.4	Korelasi menentukan item bersandar	37
3.8	Tatacara pengumpulan data	38
3.9	Kaedah analisis data	38
3.10	Carta alir kajian	40
3.11	Kronologi kajian	42
3.12	Rumusan	42
<b>BAB 4</b>	<b>ANALISIS KAJIAN</b>	43
4.1	Pengenalan	43
4.2	Latar belakang responden	43
4.2.1	Jantina	43
4.2.2	Aliran	44
4.2.3	Kelas	44
4.3	Persoalan kajian	45
4.3.1	Kesedaran disiplin pelajar selepas pembelajaran PAFA	45
4.3.2	Perbezaan kesedaran disiplin pelajar berdasarkan jantina	49
4.3.3	Perbezaan kesedaran disiplin berdasarkan aliran	53
4.3.4	Perbezaan kesedaran disiplin berdasarkan kelas	56
4.4	Rumusan	59
<b>BAB 5</b>	<b>PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	60
5.1	Pengenalan	60
5.2	Perbincangan hasil kajian	60

5.2.1	Perbincangan perbezaan kesedaran disiplin berdasarkan jantina	60
5.2.2	Perbincangan perbezaan kesedaran disiplin berdasarkan aliran	62
5.2.3	Perbincangan perbezaan kesedaran disiplin berdasarkan gred kelas	63
5.3	Rumusan	64
5.4	Cadangan	65
5.4.1	Cadangan bagi kajian lanjutan	66
<b>RUJUKAN</b>		68
<b>SOAL SELIDIK</b>		73
<b>LAMPIRAN</b>		77

## **SENARAI JADUAL**

3.1	Pemberatan skala ordinal untuk Bahagian B	31
3.2	Nilai kebolehpercayaan Alfa Cronbach	33
3.3	Ringkasan bagi 30 responden yang diukur	34
3.4	Ringkasan bagi 30 item yang diukur	34
3.5	Polariti item	36
3.6	Pengukuran item	37
3.7	Korelasi item bersandar	38
3.8	Jadual ringkasan pengujian statistik objektif kajian	39
4.1	Taburan responden berdasarkan jantina	44
4.2	Taburan responden berdasarkan aliran	44
4.3	Taburan responden berdasarkan kelas	44
4.4	Tahap kesedaran berdasarkan min	45
4.5	Kekerapan kesedaran disiplin melalui PAFA	46
4.6	DGF kesedaran disiplin berdasarkan jantina	50
4.7	Tahap kesedaran berdasarkan jantina	51
4.8	Tahap kesedaran berdasarkan jantina mengikut item	52
4.9	DGF kesedaran disiplin berdasarkan aliran	53
4.10	Tahap kesedaran berdasarkan aliran	54
4.11	Tahap kesedaran berdasarkan aliran mengikut item	55
4.12	DGF kesedaran berdasarkan gred kelas	56
4.13	Tahap kesedaran berdasarkan gred kelas	57
4.14	Tahap kesedaran berdasarkan kelas mengikut item	59

**SENARAI RAJAH**

1.1	Peta konsep kajian	8
1.2	Teori Sistem Terbuka	9
3.1	Carta alir kajian	41
4.1	Person Map kesedaran disiplin pelajar	49

**SENARAI SIMBOL/SINGKATAN**

DGF -	<i>Differential Group Functioning</i>
DIF -	<i>Differential Item Functioning</i>
JAPIM-	Jabatan Pendidikan Islam dan Moral
PAFA -	Perkara Asas Fardu Ain
PMR -	Penilaian Menengah Rendah
SMK -	Sekolah Menengah Kebangsaan
SPM -	Sijil Pelajaran Malaysia
SWT -	Subhanahu Wa Ta’ala
UPSR -	Ujian Penilaian Sekolah Rendah

## **SENARAI LAMPIRAN**

A	Borang pencapaian individu (PAFA)	77
B1	Borang senarai semak adab individu (guru)	78
B2	Borang senarai semak adab individu (ibu bapa)	79
B3	Borang senarai semak adab individu (rakan)	80
C	Carta Gantt kronologi kajian	81
D1	DGF kesedaran disiplin berdasarkan jantina	82
D2	Tahap kesedaran pelajar lelaki dan perempuan	83
D3	DIF kesedaran berdasarkan jantina	84
E1	DGF kesedaran disiplin berdasarkan aliran	85
E2	Tahap kesedaran setiap aliran	86
E3	DIF kesedaran berdasarkan aliran	87
F1	DGF kesedaran disiplin berdasarkan gred kelas	88
F2	Tahap kesedaran kelas Zamrud, Topaz dan Nilam	89
F3	Tahap kesedaran kelas Mutiara, Elektrik dan Katering	90
F4	DIF kesedaran berdasarkan kelas	91
G	Kelulusan menjalankan kajian daripada Kementerian	93
H	Kebenaran menjalankan kajian daripada UTHM	94
I	Pekeliling pelaksanaan PAFA	95
J	Pekeliling pelaksanaan PBS PMR	97
K	Pengesahan semakan soal selidik pakar	100
L	Panduan pemerhatian adab dan akhlak	103
M	Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral	115

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Islam adalah cara hidup yang sifatnya sempurna kerana ia adalah agama Allah Yang Maha Sempurna, dan merupakan satu sistem hidup manusia yang berpaksikan kebenaran. Kesempurnaan sistem hidup ini merangkumi semua aspek kehidupan seperti kekeluargaan, kemasyarakatan, politik, ekonomi dan pendidikan.

Sistem Pendidikan Islam di Malaysia mengalami banyak perubahan demi mencapai tujuan Pendidikan Islam sekolah menengah untuk melahirkan muslim yang bertanggungjawab dan berakhhlak mulia. Perubahan tersebut termasuklah penambahbaikan kurikulum melalui penyemakan semula kurikulum bagi mata pelajaran Pendidikan Islam sekolah menengah dilakukan oleh Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) pada tahun 2000. Sukatan pelajaran tersebut telah diluluskan oleh Jawatankuasa Kurikulum Pusat pada tahun 2001.

Mata pelajaran Pendidikan Islam ditawarkan dengan menjadikan penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) dan pemerhatian adab dan akhlak Islamiah diwajibkan pada peringkat peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) mulai tahun 2005. Justeru, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam pada peringkat Tingkatan 1 bermula pada tahun 2003 dengan memberi fokus kepada pencapaian objektif mata pelajaran antaranya membolehkan pelajar berakhhlak mulia, mengamalkan nilai-nilai murni dan berdisiplin.

Usaha menangani masalah disiplin memerlukan usaha berterusan serta menyeluruh. Untuk mengelakkan salah laku, usaha menjaga minda, hati, input badan dan persekitaran perlu dilaksanakan, namun solat merupakan terasnya [1]. Ini bertepatan dengan Firman Allah SWT:

“Sesungguhnya Solat dapat mencegah seseorang itu dari melakukan perbuatan keji dan mungkar.”

(Surah al-Ankabut 29 : Ayat 45)

Menurut [2], untuk membina pelajar yang cemerlang dari sudut tingkah laku antaranya adalah dengan melaksanakan ibadah-ibadah yang khusus terutamanya solat lima waktu dan ibadah-ibadah sunat yang lain. Menurut beliau, tingkah laku seseorang pelajar terhadap Penciptanya dapat diterjemahkan dengan melakukan ibadah solat yang diwajibkan dan disunatkan. Melalui ibadah ini seseorang pelajar bukan sahaja dapat mewujudkan hubungan baik dengan Allah SWT, bahkan dia juga dapat membentuk disiplin seorang muslim yang sejati.

Justeru pelajar perlu dibimbing ke arah mendekatkan diri mereka dengan Allah SWT melalui pelaksanaan PAFA. Penumpuan diberikan kepada keupayaan setiap murid untuk memahami asas akidah dan boleh mengamalkan ibadah dan akhlak Islamiah. Dasar ini menjadikan waktu pembelajaran Pendidikan Islam telah ditambah iaitu satu (1) waktu amali solat dan dua (2) waktu tambahan untuk memperkuuhkan kurikulum.

## 1.2 Latar belakang masalah

Kesungguhan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dalam memastikan keberkesanan Pendidikan Islam, khususnya dalam aspek amali amat jelas dengan terlaksananya Ujian PAFA pada tahun 1995, di mana setiap pelajar beragama Islam akan diuji secara amali di sepanjang persekolahannya, iaitu di peringkat Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Namun berlaku penyemakan semula kurikulum Pendidikan Islam dan diluluskan oleh Jawatankuasa Kurikulum pusat pada tahun 2001 dan telah dilaksanakan mulai tahun 2003 di peringkat Tingkatan 1.

PAFA ialah beberapa perkara asas Fardu Ain yang terkandung dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam yang ingin dipastikan benar-benar diketahui, difahami, diamalkan dan boleh dihayati dengan cara yang betul dan sempurna sebagaimana yang telah ditetapkan oleh syarak. Objektif pelaksanaan PAFA ialah untuk mengenal pasti pelajar yang lemah dalam kefahaman dan amalan perkara asas Fardu Ain dan membimbing sehingga mereka faham dan dapat mengamalkan

dengan betul dan sempurna. Penilaian PAFA juga bertujuan untuk menimbulkan keinsafan dan kerelaan yang positif serta menghayatinya dalam amalan kehidupan sehari-hari.

Pelaksanaan PAFA dijalankan oleh guru Pendidikan Islam dalam masa dua (2) waktu tambahan iaitu selama 80 minit seminggu. Penilaian PAFA ini bermula dari Tingkatan 1 dan berterusan ke Tingkatan 3 pada peringkat PMR. Pengajaran PAFA ini biasanya menggunakan kaedah penerangan dan diikuti dengan penilaian yang dijalankan secara lisan dan amali. Semasa penilaian dijalankan, pelajar diberi peluang serta bimbingan secukupnya untuk mengulang serta memperbaiki kesalahan dan kelemahan.

Selain penilaian PAFA mengikut kod dan nilai yang ditetapkan, pemerhatian Adab dan Akhlak Islamiah juga dilakukan untuk menilai adab dan akhlak pelajar Islam dalam suasana sebenar menjalani kehidupan sebagai seorang muslim. Namun demikian kita dapati masih terdapat perbuatan salah laku pelajar, walaupun telah melalui pengajaran PAFA serta pelbagai peraturan dan disiplin telah ditetapkan oleh pihak sekolah.

Statistik Kementerian Pelajaran menunjukkan kira-kira tiga peratus daripada lebih lima juta pelajar di 10,000 sekolah rendah dan menengah di seluruh negara terbabit dalam kegiatan salah laku sepanjang sesi persekolahan tahun 2010. Sejumlah 111,484 pelajar iaitu 72,557 pelajar sekolah menengah dan 38,927 murid sekolah rendah dikesan terbabit dalam pelbagai salah laku disiplin. Antara kes salah laku disiplin yang sering dilakukan pelajar termasuk jenayah sebanyak 17,595 kes, ponteng sekolah 19,545 kes, kelucahan 3,031 kes, vandalisme 5,212 kes dan kenakalan 8,563 kes [3].

Jika ditinjau dari statistik tersebut, kita dapati salah laku masih berlaku walaupun selepas pengajaran PAFA dilaksanakan. Berdasarkan kepada masalah ini, satu kajian perlu dijalankan untuk melihat keberkesanan pengajaran PAFA dalam mempengaruhi kesedaran disiplin dalam diri pelajar.

### **1.3 Pernyataan masalah**

Hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek memerlukan tahap disiplin yang tinggi

seorang pelajar untuk melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Menyedari situasi tersebut, Kementerian Pelajaran Malaysia telah mewajibkan pelajar mengikuti Pembelajaran PAFA, Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan serta Pendidikan Moral yang bermatlamat melahirkan pelajar yang berakh�ak dan mempunyai nilai terpuji.

Daripada hasil kajian [4] mendapati peranan Pendidikan Islam dalam membina sahsiah pelajar di Politeknik dengan skor min 4.10, manakala peranan Pendidikan Moral dalam membina sahsiah dengan skor min 3.84. Berdasarkan skor min tersebut, dapat dirumuskan bahawa Pendidikan Islam lebih berjaya berbanding Pendidikan Moral dalam membina sahsiah pelajar di Politeknik. Kajian [5] menunjukkan 50% guru sekolah rendah yang dikaji menggunakan waktu Pendidikan Moral untuk mengajar mata pelajaran lain atau melaksanakan aktiviti lain yang bukan akademik, kerana ramai guru yang mengajar Pendidikan Moral terdiri daripada mereka yang tidak membuat pengkhususan dalam mata pelajaran itu tidak tahu kaedah pengajaran sebenar.

Menurut [6], moral yang paling unggul ialah moral Islam yang merupakan model moral umat sejagat. Moral Islam bersandarkan keyakinan bahawa kita akan dipertanggungjawabkan atas setiap apa yang dilakukan dan setiap kata yang diucapkan. Moral Islam yang terpahat ini amat berkesan dan bermula dengan pemahaman kita terhadap hubungan dan taraf letaknya di antara kita dengan Tuhan.

Justeru pengkaji merasakan perlu untuk mengkaji sama ada pengajaran PAFA dan penilaian adab dan akhlak Islamiah boleh membina kesedaran disiplin pelajar dalam membentuk tingkah laku positif selaras dengan nilai-nilai pendidikan yang diberikan.

#### **1.4 Tujuan kajian**

Kajian ini adalah untuk mengetahui sejauh mana kesedaran disiplin dalam kalangan pelajar melalui pembelajaran Perkara Asas Fardu Ain.

### **1.5 Objektif kajian**

Secara umum tujuan kajian adalah untuk melihat sejauh manakah pelaksanaan PAFA di sekolah-sekolah menengah pada hari ini menimbulkan kesedaran disiplin dalam kalangan pelajar. Objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:

- (i) Mengenal pasti sama ada terdapat kesedaran disiplin pelajar selepas pembelajaran PAFA.
- (ii) Melihat sama ada terdapat perbezaan kesedaran disiplin pelajar berdasarkan jantina.
- (iii) Melihat sama ada terdapat perbezaan kesedaran disiplin pelajar berdasarkan aliran.
- (iv) Melihat sama ada terdapat perbezaan kesedaran disiplin pelajar berdasarkan gred kelas.

### **1.6 Persoalan kajian**

Beberapa persoalan kajian telah dibentuk bagi mencapai objektif kajian. Persoalan kajian yang dikenal pasti untuk menjawab soalan berikut:

- (i) Apakah terdapat kesedaran disiplin pelajar selepas pembelajaran PAFA?
- (ii) Adakah terdapat perbezaan kesedaran disiplin pelajar berdasarkan jantina?
- (iii) Adakah terdapat perbezaan kesedaran disiplin pelajar berdasarkan aliran?
- (iv) Adakah terdapat perbezaan kesedaran disiplin pelajar berdasarkan gred kelas?

### **1.7 Hipotesis kajian**

Hipotesis yang dikemukakan dalam penyelidikan ini adalah seperti berikut:

- $H_0$  : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kesedaran disiplin pelajar berdasarkan jantina.
- $H_a$  : Terdapat perbezaan yang signifikan dalam kesedaran disiplin pelajar berdasarkan jantina.

- H<sub>o</sub>2 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kesedaran disiplin pelajar berdasarkan aliran.
- H<sub>a</sub>2 : Terdapat perbezaan yang signifikan dalam kesedaran disiplin pelajar berdasarkan aliran.
- H<sub>o</sub>3 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kesedaran disiplin pelajar berdasarkan gred kelas.
- H<sub>a</sub>3 : Terdapat perbezaan yang signifikan dalam kesedaran disiplin pelajar berdasarkan gred kelas.

### **1.8 Skop kajian**

Kajian ini tertumpu kepada kesedaran pelajar yang telah menjalani penilaian PAFA serta adab dan akhlak Islamiah terhadap kesedaran disiplin sahaja. Pengkaji tidak akan melihat faktor-faktor sampingan lain yang mempengaruhi disiplin pelajar.

### **1.9 Batasan kajian**

Kajian ini meliputi perkara-perkara berikut:

- (i) Kajian ini dilakukan di SMK Dato' Onn, Simpang Lima, Batu Pahat.
- (ii) Kajian ini hanya tertumpu di daerah Batu Pahat dan tidak melibatkan kepada daerah-daerah lain.
- (iii) Sampel yang dipilih adalah seramai 40 orang yang terdiri daripada pelajar-pelajar Tingkatan 4 yang baru menduduki peperiksaan PMR pada tahun 2011.
- (iv) Tumpuan kajian adalah kepada kesedaran pelajar terhadap disiplin di sekolah sahaja.
- (v) Fokus hanya ditumpukan kepada pembelajaran PAFA peringkat menengah rendah sahaja.

## **1.10 Kepentingan kajian**

Adalah diharapkan hasil kajian ini:

- (i) Boleh dijadikan sebagai petunjuk asas dalam menangani masalah kesedaran disiplin dalam kalangan pelajar. Dapatan kajian ini boleh menjadi rujukan kepada pihak berwajib untuk menilai semula sukanan yang sedia ada yang mungkin belum begitu berjaya menerapkan konsep pembentukan akhlak dan kesedaran disiplin dalam kalangan pelajar.
- (ii) Memberikan maklumat kepada pengetua dan pihak pentadbiran tentang keadaan sebenar permasalahan dan kesedaran disiplin pelajar, agar dapat manjalankan usaha-usaha untuk meningkatkan disiplin mereka seiring dengan sahsiah seorang pelajar Islam.
- (iii) Menyediakan satu cadangan hasil daripada dapatan kajian yang boleh memberikan suatu kebaikan bukan sahaja kepada pihak pelajar malah untuk sekolah itu sendiri.
- (iv) Menjadi asas dalam menjalankan suatu kajian yang lebih menyeluruh serta sebagai sumber maklumat dan rujukan kepada pengkaji lain yang berminat untuk mengkaji secara lebih terperinci dan mendalam berkaitan kesedaran disiplin pelajar. Aspek kesedaran dan penghayatan mungkin tidak mudah diterapkan jika hanya bermula di peringkat menengah, tetapi mungkin ruang pendidikan peringkat rendah perlu diteliti.

## **1.11 Jangkaan dapatan**


Melalui kajian ini terdapat beberapa jangkaan yang diharapkan dan boleh dijadikan sebagai dasar bagi menyokong keberkesanan kajian, antaranya ialah:

- (i) Pelajar dapat meningkatkan kesedaran tentang disiplin diri selaras dengan tuntutan Islam melalui pengajaran dan pembelajaran PAFA.
- (ii) Pelajar menghayati tuntutan Islam dan menjadi seorang yang berdisiplin khususnya dalam soal ibadah dalam kehidupan seharian.
- (iii) Guru Pendidikan Islam dapat memberikan kesedaran disiplin dalam kalangan pelajar selari dengan tuntutan Syarak tanpa sebarang halangan dan batasan.

### 1.12 Kerangka konsep


Bagi menghasilkan peta konsep kajian ini, pengkaji menghubungkan pengajaran PAFA dengan kesedaran disiplin. Seterusnya dihubungkan dengan tingkah laku positif.

Berdasarkan peta konsep kajian pada Rajah 1.1, kajian dibuat untuk mengenal pasti sama ada terdapat kesedaran disiplin dalam kalangan pelajar kesan dari pembelajaran PAFA. Di samping itu juga, pengkaji akan mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan pada kesedaran disiplin pelajar berdasarkan jantina, aliran dan gred kelas.



Rajah 1.1: Peta konsep kajian

Kerangka teori kajian ini diasaskan daripada Model Teori Sistem Terbuka melalui kajian [7] yang diubahsuai dari Teori Karts & Kahn. Teori ini digunakan bagi menghuraikan kesan pengajaran PAFA. Mengikut Teori Terbuka Karts & Kahn, pengajaran dan pembelajaran terdiri daripada input, proses dan output. Dalam kajian ini, input ialah pelajar-pelajar Islam yang mengambil penilaian PAFA. Manakala proses pula melibatkan pengajaran dan pembelajaran PAFA oleh guru Pendidikan Islam. Output pula ialah kesedaran disiplin pelajar kesan dari pengajaran dan pembelajaran PAFA berdasarkan Rajah 1.2.



Rajah 1.2: Teori Sistem Terbuka

### 1.13 Definisi operasi

Di dalam penulisan kajian ini, terdapat beberapa istilah yang perlu dijelaskan bagi menerangkan maksudnya supaya ia dapat difahami dan tidak disalahafsirkan untuk kajian ini. Antara istilah dalam konteks penggunaannya dalam kajian ini:

#### 1.13.1 Perkara Asas Fardu Ain (PAFA)

PAFA yang dimaksudkan di sini ialah penilaian Perkara Asas Fardu Ain. PAFA merupakan beberapa perkara asas fardu ain yang terkandung dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam yang ingin dipastikan benar-benar diketahui, difahami, diamalkan dan dihayati oleh setiap pelajar dengan cara yang betul seperti yang ditetapkan oleh syarak [8].

PAFA dalam kajian ini termasuklah juga penilaian adab dan akhlak Islamiah Pendidikan Islam 45/2 (Bahagian B) Penilaian Menengah Rendah.

#### 1.13.2 Kesedaran

Menurut [9], kesedaran bermaksud kemampuan untuk merasa kewujudan sesuatu, termasuk sikap, perasaan dan tingkah laku seseorang. Dari segi epistemologi, kesedaran diri adalah kefahaman seseorang terhadap teras identiti kepunyaan diri.

Kesedaran dalam kajian ini ialah berkaitan pemahaman yang membolehkan kejelasan tanggapan atau pemerolehan kebijaksanaan dalam diri pelajar.

### **1.13.3 Disiplin**

Merujuk [9], disiplin boleh didefinisikan sebagai latihan pemikiran dan kelakuan supaya boleh mengawal diri sendiri dan patuh pada tata tertib. Ia juga boleh ditakrifkan sebagai peraturan yang ditetapkan untuk melatih seseorang supaya berkelakuan baik atau sebagai kepatuhan kepada peraturan yang telah ditetapkan.

Dalam kajian ini disiplin membawa erti disiplin pelajar tingkatan empat yang merangkumi disiplin mereka mematuhi peraturan ketika berada di dalam kawasan sekolah sahaja.

### **1.13.4 Jantina**

Jantina adalah perkataan teknikal merujuk kepada psikologi atau ciri-ciri tingkah laku berkaitan dengan lelaki atau perempuan. Menurut [9], jantina ialah jenis kelamin iaitu lelaki atau perempuan. Manakala menurut [10], jantina merujuk kepada perbezaan individu dari segi fizikal. Jantina adalah bentuk dan fungsi fizikal seseorang, manakala gender pula adalah komponen identiti yang dimiliki oleh individu. Perbezaan jantina hanyalah terbahagi kepada lelaki dan perempuan.

Dalam kajian ini, penyelidik mengkaji sama ada terdapat perbezaan yang signifikan pada kesedaran disiplin berdasarkan jantina lelaki dan perempuan. Istilah Gender tidak digunakan kerana kajian ini hanya mengenal pasti perbezaan yang signifikan antara keseimbangan kognitif berdasarkan jantina seksual dan ia tidak berkaitan dengan isu-isu identiti.

### **1.13.5 Aliran**

Aliran dalam kajian ini merujuk kepada pakej mata pelajaran yang ditawarkan kepada pelajar Tingkatan 4 di SMK Dato' Onn, terdiri dari empat aliran iaitu aliran Sains Tulen, aliran Sains dan Teknologi, aliran Sains Sosial serta aliran Teknik dan Vokasional.

### **1.13.6 Gred kelas**

Gred kelas dalam kajian ini ialah sususan kelas berdasarkan tahap atau aras pencapaian akademik pelajar.

### **1.14 Rumusan**

Perbincangan dalam Bab 1 ini memaparkan latar belakang masalah kajian dan perkara-perkara asas yang perlu difahami bagi meneruskan fasa kajian yang lebih kompleks dalam bab yang berikutnya. Perbincangan dimulai dengan menyatakan masalah yang menjadi fokus kajian iaitu hasrat untuk melahirkan pelajar yang mempunyai tahap disiplin yang tinggi melalui pembelajaran PAFA. Seterusnya disusuli oleh persoalan kajian, objektif kajian dan kepentingan kajian sebelum diikuti oleh batasan kajian. Tidak ketinggalan, aspek definisi operasi turut dinyatakan bagi memudahkan pemahaman.

## **BAB 2**

### **SOROTAN KAJIAN**

#### **2.1 Pengenalan**

Bab ini akan memberikan tumpuan kepada aspek penting dalam kajian ini iaitu PAFA, kesedaran dan disiplin yang dikupas dari penulisan buku dan kertas kajian. Dalam bab ini pengkaji juga akan membincangkan tentang kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan PAFA dan disiplin.

Sorotan kajian adalah penting kepada pengkaji dalam membantu pengkaji membuat fasa reka bentuk kajian, membuat keputusan tentang apakah jenis-jenis pembolehubah yang harus diambilkira serta diuji, membuat prosedur kajian dan sebagainya.

#### **2.2 Kesedaran**

Kesedaran boleh dikaitkan dengan kesedaran kendiri (kesedaran diri). Menurut [11], kesedaran adalah sebagai kemampuan seseorang untuk memerhati, untuk menepati sasaran dibandingkan tingkah laku piawaian dan untuk mentaksir penilaian kendiri. Melalui kesedaran kendiri inilah dapat membantu pelajar mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak sekolah.

Kesedaran pelajar terhadap peraturan dan disiplin ketika berada di sekolah dipercayai mempunyai signifikan dengan faktor dalaman pelajar iaitu sikap dan tingkah laku mereka.

## 2.3 Disiplin

Mengikut [12], disiplin juga disebut tatatertib yang selalu digunakan pada masa lampau, terdiri daripada dua perkataan iaitu “tata” dan “tertib”. Tata bermaksud peraturan dan tertib bermaksud teratur atau sopan, dan jika digabung membawa maksud peraturan-peraturan untuk melahirkan tingkah laku yang sopan. Manakala menurut [13] dan [14], disiplin ialah kesanggupan tiap-tiap individu menerima, memahami, mengamal dan menghormati peraturan-peraturan yang menjadi sistem yang telah ditetapkan oleh masyarakatnya dengan kerelaan sendiri.

Menurut [15], disiplin pada peringkat sekolah merupakan peraturan-peraturan yang dikenakan ke atas pelajar dengan tujuan mengawal tingkah laku mereka melalui hukuman atau ganjaran. Justeru, disiplin merupakan peraturan-peraturan yang dikenakan ke atas pelajar supaya mereka berkelakuan baik dan sentiasa mendisiplinkan diri semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Menurut [16], disiplin merupakan sifat dalaman pelajar, berkait peribadi dan sahsiah, maka perkara pokok kepada masalah disiplin ialah pendidikan rohani. Penyelesaian masalah disiplin murid boleh dilakukan melalui pendidikan agama kerana melaluinya dapat membina akhlak yang baik dan mulia.

Manakala [17] pula menjelaskan disiplin diri yang baik dan sempurna perlu dibentuk secara terancang daripada peringkat awal lagi. Pembentukan disiplin ini berupaya memberi kepuasan, kesejahteraan dan keselesaan kepada seseorang untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran semasa.

Disiplin dari sudut pandangan Islam sebenarnya harus bertunjang dalam hati dan menjadi sebahagian sistem kawalan diri supaya dapat menjamin kelangsungan hidup berdisiplin. Di sinilah letaknya keistimewaan Islam yang menggabungkan hukum, peraturan dan akhlak untuk menjamin kedamaian hidup di dunia dan akhirat [14]. Islam menggesa umatnya supaya sentiasa mendisiplinkan diri dengan sifat-sifat terpuji atau berakhlak mulia, kerana tanpa sifat-sifat terpuji ini boleh menjelaskan iman seseorang.

Penekanan disiplin dalam penampilan diri merupakan langkah pengukuhan diri sendiri. Dalam peraturan sekolah telah dijelaskan tentang perkara ini. Selain daripada peraturan sekolah, kepentingan penampilan ini juga turut ditegaskan oleh guru Pendidikan Islam dan guru Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan.

Antara peraturan yang digariskan di sekolah ialah tatacara berpakaian, umpamanya pelajar tidak dibenarkan berpakaian ketat dan singkat yang menampakkan bentuk tubuh badan. Maka pelajar yang berdisiplin boleh ditafsirkan sebagai pelajar yang patuh dan taat kepada peraturan yang telah ditetapkan oleh sekolah.

### **2.3.1 Peraturan sekolah**

Peraturan sekolah merupakan satu persetujuan yang dipersetujui bersama oleh warga sekolah dalam mengawal disiplin dan tingkah laku manusia yang berada di dalamnya. Maksud peraturan ialah undang-undang yang ditetapkan untuk menentukan ketenteraman, keharmonian dan kelincinan perjalanan aktiviti-aktiviti dalam masyarakat atau sekolah. Tujuan peraturan ini dibuat adalah bagi mengawal tingkah laku dan melicinkan perjalanan hidup warga sekolah supaya proses pembentukan jati diri dan pendidikan berjalan lancar tanpa ada sebarang gangguan.

Dalam kajian ini saya akan membuat analisis tentang peraturan-peraturan sekolah yang diamalkan oleh SMK Dato' Onn. Peraturan sekolah SMK Dato' Onn dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu:

- a. Bahagian A Tujuan
- b. Bahagian B Perawakan Pelajar
- c. Bahagian C Kurikulum

#### **a. Bahagian A (Tujuan)**

- (i) Membentuk keperibadian pelajar-pelajar untuk melahirkan warganegara yang bertanggungjawab sesuai dengan prinsip-prinsip Rukun Negara.
- (ii) Melatih pelajar-pelajar menerima dan mematuhi undang-undang, peraturan-peraturan, kawalan-kawalan dan arahan secara insaf dan bertanggungjawab.
- (iii) Melahirkan suasana disiplin sekolah yang sempurna untuk melicin dan menjamin kejayaan pelajaran dan pendidikan.
- (iv) Membentuk dan melahirkan akhlak yang mulia dalam kalangan pelajar dalam hubungan mereka dengan sekolah dan masyarakat.

Jika dilihat pada tujuan peraturan ini diadakan, jelas peraturan ini bertujuan untuk membentuk peribadi dan tingkah laku pelajar bersesuaian dengan prinsip Rukun Negara dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Ianya juga adalah proses penyediaan para pelajar dalam hubungan mereka dengan masyarakat dan negara.

**b. Bahagian B (Perawakan Pelajar)**

- (i) Pelajar Lelaki
  - a. Rambut (Pekeliling KP(BS)8543/Vol.11/(58))
  - b. Cermin Mata
  - c. Pakaian (KP.BS8591/Jldd.11/(2) dan 8591/Jld.11/(39))
    - o Lencana Sekolah
    - o Baju
    - o Seluar
    - o Stokin
    - o Kasut
- (ii) Pelajar Perempuan
  - a. Rambut (KP.8534/Vol.11/658)
  - b. Tudung (KP.BS8591/Jld.11/(2))
  - c. Baju (KP.BS8591/Jld.11/(2))
  - d. Kain
  - e. Stokin
  - f. Kasut
  - g. Cermin Mata
  - h. Barang Kemas/Perhiasan dan Alat Solek
  - i. Kuku

**(ii) Bahagian C (Kurikulum)**

- (i) Masa Persekolahan dan Pelajaran
- (ii) Perhimpunan
- (iii) Masa Rehat
- (iv) Masa Pulang

### **2.3.2 Jawatankuasa pemuafakatan disiplin sekolah**

Pemuafakatan disiplin sekolah yang diwujudkan antara pihak sekolah, ibu bapa, agensi kerajaan dan ketua masyarakat setempat amat penting untuk menangani masalah disiplin pelajar masa kini. Semua pihak harus memahami masalah disiplin yang berlaku di sekolah. Untuk menangani masalah disiplin pelajar, komuniti tersebut perlulah sama-sama membantu pihak sekolah untuk mengurangkan masalah disiplin.

Sejak kebelakangan ini, pihak agensi luar telah banyak membantu sekolah dalam pelbagai bidang. Namun, dalam menangani masalah disiplin peranan mereka yang amat minimum harus dipertingkatkan. Oleh itu, penubuhan pemuafakatan disiplin sekolah amat dialu-alukan dan selaras dengan perancangan pihak Pejabat Pelajaran Daerah dan Jabatan Pelajaran Negeri Johor dalam usaha untuk menangani masalah disiplin pelajar.

Program pemuafakatan disiplin sekolah diperkenalkan di negeri Johor dengan harapan dapat mengurangkan masalah disiplin dan meningkatkan prestasi akademik pelajar [1]. Objektif penubuhan jawatankuasa pemuafakatan disiplin pula ialah:

- (i) Untuk mengeratkan perhubungan antara pihak sekolah dengan masyarakat luar bagi menangani masalah disiplin.
- (ii) Bekerjasama untuk menangani masalah disiplin ke arah sifar kesalahan.
- (iii) Membantu sekolah dalam mewujudkan sekolah selamat.
- (iv) Meningkatkan prestasi akademik pelajar.

### **2.4 Perkara Asas Fardu Ain (PAFA)**

PAFA ialah beberapa perkara asas Fardu Ain yang terkandung dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam. PAFA hendaklah dipastikan supaya tiap-tiap pelajar benar-benar mengetahui, memahami, mengamalkan dan boleh menghayatinya dengan cara yang betul dan sempurna sebagaimana yang telah ditetapkan oleh syarak.

Menurut [18], PAFA adalah sebahagian dari mata pelajaran Pendidikan Islam, maka ianya boleh diajar sepanjang masa. Guru Pendidikan Islam juga boleh

mengajar PAFA sepanjang masa pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Oleh itu guru hendaklah mengenal pasti tajuk-tajuk dan isi kandungan yang berkaitan dengan PAFA supaya dapat diberikan penekanan dalam pengajaran dan pembelajaran.

#### **2.4.1 Matlamat pembelajaran PAFA**

Tujuan pelaksanaan PAFA yang digariskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia [19] ialah:

- (i) Mengenal pasti pelajar yang lemah dalam kefahaman dan amalan Perkara Asas Fardu Ain, kemudian membimbing sehingga mereka dengan sendirinya faham dan dapat mengamalkan dengan betul dan sempurna.
- (ii) Memastikan tidak terdapat sebarang keciciran dalam PAFA, dengan perkataan lain, menentukan kejayaan 100 peratus.
- (iii) Menimbulkan dan menyuburkan keinsafan dan kerelaan yang positif untuk menghayatinya dalam amalan kehidupan sehari-hari.

Tajuk yang terkandung dalam penilaian PAFA di peringkat PMR adalah seperti berikut (Rujuk **LAMPIRAN A**):

- (i) Tingkatan 1
  - 01 Mengucap Dua Kalimah Syahadah
  - 02 Rukun Islam
  - 03 Rukun Iman
  - 04 Beristinjak
  - 05 Membersihkan Diri, Pakaian dan Tempat daripada Najis
- (ii) Tingkatan 2
  - 06 Cara Berwuduk
  - 07 Cara Bertayamum
  - 08 Cara Mandi Wajib
  - 09 Azan, Iqamat, Jawapannya dan Doa Selepas Azan dan Iqamat
  - 10 Solat Fardu
- (iii) Tingkatan 3
  - 11 Solat Jenazah

- |    |                                  |
|----|----------------------------------|
| 12 | Puasa                            |
| 13 | Adab Terhadap Ibu Bapa           |
| 15 | Ihsan                            |
| 16 | Kewajipan Menutup Aurat          |
| 17 | Batas Pergaulan Dalam Islam [20] |

Penilaian adab dan akhlak Islamiah pula meliputi penilaian guru, ibu bapa dan rakan sebaya (lihat **LAMPIRAN B1**, **LAMPIRAN B2** dan **LAMPIRAN B3**). Elemen dan aspek yang dinilai dalam pemerhatian adab dan akhlak Islamiah pula ialah seperti berikut:

- (i) Adab dalam kehidupan seharian
  - a. Menjaga fitrah lelaki dan perempuan
  - b. Menghormati jiran
  - c. Menjaga diri dan maruah
- (ii) Adab dalam kehidupan bersosial
  - a. Sikap berkawan
  - b. Menjaga harta sekolah
  - c. Bekerja
- (iii) Adab dalam menunaikan ibadat
  - a. Sikap terhadap al-Quran dan ketika membaca al-Quran
  - b. Ketika di masjid/surau
  - c. Ketika menunaikan solat
- (iv) Adab terhadap ibu bapa dan keluarga
  - a. Sikap terhadap ibu bapa
  - b. Sikap terhadap keluarga
  - c. Berbakti kepada ibu bapa
- (v) Adab menuntut ilmu
  - a. Sikap terhadap guru
  - b. Sikap ketika menuntut ilmu

#### **2.4.2 Prosedur penilaian PAFA**

Peraturan penilaian PAFA seperti yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) Penilaian dijalankan sendiri oleh guru mata pelajaran Pendidikan Islam di kelas masing-masing sebagai proses penilaian biasa yang berbentuk formatif dalam pengajaran dan pembelajaran.
- (ii) Penilaian dijalankan secara lisan dan amali mengikut sebagaimana yang telah ditetapkan. Apabila pelajar telah menguasai kod-kod yang telah ditetapkan, dia boleh dinilai dengan kod-kod tahun seterusnya. Bagaimanapun pelajar boleh dinilai semula untuk pengukuhan.
- (iii) Soalan dan jawapan penilaian tidak rahsia sebagaimana yang telah dicadangkan. Apabila ujian dibuat secara formal, pelajar hendaklah diberitahu lebih awal.
- (iv) Sepanjang tempoh penilaian, pelajar diberi masa, peluang serta bimbingan yang secukupnya untuk mengulang, serta memperbaiki kesalahan dan kelemahan. Usaha ini diteruskan sehingga mereka dengan sendirinya faham dan dapat mengamalkan sesuatu kemahiran dengan jaya, betul dan sempurna.
- (v) Pencapaian pelajar hendaklah dicatat dari masa ke semasa dalam Borang Pencapaian Individu dan Borang Berkelompok.
- (vi) Pencapaian LULUS ialah apabila pelajar menguasai semua tajuk, manakala dalam hal ibadah, dapat mengamalkan sesuatu kemahiran sekurang-kurangnya pada tahap keupayaan yang minimum yang dikira sah dari segi Syarak.

#### **2.4.3 Tenaga pengajar PAFA**

Pembelajaran PAFA hanya boleh dijalankan oleh guru Pendidikan Islam. Tenaga pengajar bagi pembelajaran PAFA di sekolah yang dikaji ialah seramai sepuluh orang guru Pendidikan Islam yang terdiri dari empat lelaki dan enam orang perempuan.

Pembelajaran atau ujian PAFA diambil oleh semua pelajar di SMK Dato' Onn memandangkan pelajar sekolah ini terdiri dari 100 % pelajar yang beragama

Islam. Jumlah keseluruhan pelajar di SMK Dato' Onn ialah seramai 1,860 orang pada tahun 2012. Nisbah bagi seorang guru pendidikan Islam yang mengajar PAFA ialah 186 orang pelajar. Pencapaian bagi pembelajaran dan ujian PAFA pada peringkat PMR didapati semua calon lulus ujian PAFA. Berdasarkan nisbah, sekiranya bilangan guru Pendidikan Islam ditambah, sudah pasti pencapaian PAFA lebih cemerlang dan memberi kesan yang positif ke arah pembentukan disiplin pelajar yang lebih baik.

## 2.5 Pendidikan Moral

Pendidikan Moral ialah satu program yang mendidik murid supaya menjadi insan yang bermoral atau berakhhlak mulia dengan menekankan aspek perkembangan pemikiran moral, perasaan moral dan tingkah laku moral [21].

Pendidikan Moral di sekolah menengah memberi tumpuan kepada usaha memupuk kekuatan kerohanian dan kemoralan murid melalui penghayatan dan amalan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia yang terdapat dalam agama, tradisi dan adat resam pelbagai kaum di negara ini. Dengan itu murid dapat membina satu panduan hidup yang membolehkan mereka menjadi insan yang bermoral. Ini membolehkan mereka menjadi individu yang bertanggungjawab moral dan sosial terhadap segala keputusan dan tindakan yang dilakukan.

Pengajaran nilai harus berfokus pada Model Insan Menyeluruh yang meliputi tiga dimensi moral yang saling berkaitan. Perwatakan yang positif harus terdiri daripada tiga dimensi moral iaitu pemikiran moral, perasaan moral dan tingkah laku moral. Pendidikan Moral yang efektif seharusnya membantu murid supaya memahami nilai-nilai moral, menerima dan menunjukkan komitmen terhadapnya, serta mengamalkannya dalam kehidupan harian. Ketiga-tiga dimensi ini perlu untuk membolehkan seseorang murid mencapai tahap kematangan moral.

Menurut [6], tahap moral dapat diukur dari tiga perspektif asas. Antaranya dari perspektif mutlak, merujuk kepada tahap moral yang dipandu oleh kepercayaan seseorang itu kepada kuasa yang terulung atau tertinggi. Ia akan menggalakkan seseorang itu memegang prinsip-prinsip moral kerana keyakinannya bahawa ini adalah kehendak *the superior power* atau lebih tepat dipanggil Yang Maha Kuasa iaitu Allah Tuhan Rabbul Jalil, Pencipta dan Pemilik sekalian alam.

Teori perkembangan moral yang sebaik-baiknya ialah yang mempertimbangkan ketiga-tiga dimensi ini, iaitu pemikiran moral, perasaan moral dan tindakan moral. Perkembangan moral yang meliputi ketiga-tiga dimensi ini akan menyubur dan merangsangkan lagi kesedaran hati nurani yang menyebabkan insan berkenaan berasa gembira membuat apa yang betul dan berasa bersalah jika melakukan sesuatu yang tidak betul atau tidak bermoral. Program Pendidikan Moral ini tidak seharusnya mengabaikan aspek kesedaran hati nurani yang berfungsi menyepadukan ketiga-tiga dimensi moral tersebut [21].

### **2.5.1 Objektif Pendidikan Moral**

Kurikulum Pendidikan Moral bermatlamat membentuk individu yang berakh�ak mulia, bertanggungjawab dan boleh menyumbang ke arah keharmonian dan kestabilan negara serta masyarakat global. Objektif Pendidikan Moral adalah untuk membolehkan murid:

- (i) Memahami dan menghayati nilai-nilai yang diperlukan untuk berakh�ak mulia;
- (ii) Menyedari dan menerima kepentingan keharmonian antara manusia dengan alam sekitar serta berusaha ke arah mengekalkannya;
- (iii) Meningkatkan persefahaman dan kerjasama bagi mengekalkan keamanan dan keharmonian hidup dalam negara Malaysia yang demokratik;
- (iv) Mengembangkan pemikiran yang matang berdasarkan nilai moral dan kerohanian dalam membuat keputusan dan menyelesaikan masalah; dan
- (v) Mempunyai iltizam untuk mengamalkan perlakuan yang bermoral secara adil dan altruistik selaras dengan nilai murni masyarakat Malaysia [21].

### **2.5.2 Prinsip Pendidikan Moral**

Terdapat beberapa prinsip utama yang telah dikenalpasti sebagai panduan dalam melahirkan insan yang menyeluruh dari segi jasmani, intelek, emosi, rohani dan sosial sebagaimana hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan melalui ungkapan “ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu

untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani". Prinsip-prinsip tersebut adalah:

- (i) Bertanggungjawab pada diri, keluarga, dan orang lain.
- (ii) Berpegang teguh pada ajaran agama.
- (iii) Prihatin kepada alam sekitar.
- (iv) Mengelakkan keamanan dan keharmonian hidup.
- (v) Bersemangat patriotik.
- (vi) Menghormati hak asasi manusia.
- (vii) Mengamalkan prinsip demokrasi dalam kehidupan.

## **2.6 Teori yang berkaitan**

### **2.6.1 Teori pembelajaran sosial Bandura**

Pembelajaran sosial merupakan satu pembelajaran yang berlaku dengan memerhati orang lain melakukan sesuatu atau menjadikan seseorang sebagai model bertingkah laku [22]. Bandura dalam kajiannya berjaya membuktikan bahawa kanak-kanak keseluruhannya meniru model yang ditonton dengan gaya yang lebih agresif. Beliau merumuskan bahawa pelbagai tingkah laku sosial adalah hasil pemerhatian daripada gerak balas yang ditonjolkan oleh orang lain [23].

Dalam teori ini, pengkaji mendapati bahawa pelajar mempunyai potensi yang agak besar untuk terpengaruh melalui pembelajaran sosial yang meliputi lebih daripada skop pembelajaran agama secara formal di sekolah. Tingkah laku positif ataupun negatif juga adalah hasil daripada pembelajaran dalam persekitaran pelajar seperti melihat sendiri perlakuan rakan sebaya atau menonton dalam media massa.

### **2.6.2 Teori konsep kendiri**

Teori konsep kendiri yang dikemukakan oleh Rogers (1940), mengenai organisme dan kendiri manusia. Organisme adalah pusat segala pengalaman yang melibatkan kesedaran bagi sesuatu masa. Pengalaman yang tidak diuji ini boleh membuatkan dia bertingkah laku dengan tidak realistik atau merosakkan dirinya sendiri.

Kendiri terjadi hasil dari gabungan di antara penilaianya sendiri, penilaian orang lain dan penilaianya mengenai persepsi orang lain terhadap dirinya. Salah satu prinsip teori konsep kendiri ialah ibu bapa dan guru perlu mengadakan perhubungan mesra dengan pelajar. Apabila hubungan yang rapat diwujudkan, maka pelajar dapat meluahkan isi hati kepada mereka yang dipercayai.

## **2.7 Kajian-kajian lepas**

### **2.7.1 Kajian berkaitan PAFA**

Menurut [24], dalam kajiannya tentang penilaian Perkara Asas Fardu Ain : satu kajian kritis di daerah Kuala Kangsar, dalam perbincangan berkaitan aspek lokasi dan pendapatan keluarga, mendapati bahawa tidak ada perbezaan yang signifikan kecuali aspek keimanan.

Menurut [25] dalam kajiannya mendapati semua pelajar mempunyai tanggapan positif terhadap PAFA, kerana pelajar menyatakan mata pelajaran PAFA ini adalah suatu mata pelajaran yang sangat penting kepada mereka. Dapatan kajian dirumuskan bahawa PAFA dapat menangani masalah buta fardhu ain.

Begitu juga dengan [26], dalam kajiannya tentang amali solat (PAFA) dalam kalangan pelajar tingkatan 1, 2 dan 3 di SMK Kubor Panjang, Kedah. Beliau menyatakan dalam perkara rukun wuduk, terdapat 91% responden melaksanakan rukun wuduk dengan sempurna, 4% kurang sempurna dan 5% tidak tahu. Sekali pun kajian beliau berkaitan dengan kelemahan pelajar dalam berwuduk, ia juga boleh membawa kepada kecacatan dalam solat itu sendiri. Tidak sempurna wuduk menjadikan solat tidak sempurna kerana aspek ini berkait antara satu sama lain.

Menurut [7], dalam kajian mengenai pengajaran Pendidikan Islam dalam perspektif akhlak dan sikap pelajar IPT, mendapati mata pelajaran Pendidikan Islam meninggalkan kesan yang positif berdasarkan min keseluruhan dan peratusan terhadap perubahan sikap pelajar. Persepsi pelajar terhadap tingkah laku sehari-hari juga adalah tinggi dan positif. Dapatan ini memberikan gambaran bahawa perlakuan serta tingkah laku sehari-hari mereka dapat dipengaruhi oleh persepsi serta sikap mereka yang tinggi terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam itu sendiri. Kajian ini juga mendapati bahawa pelajar yang mempunyai persepsi yang tinggi, baik dan

positif terhadap mata pelajaran Islam dapat memberi kesan terhadap tingkah laku sehariannya.

### **2.7.2 Kajian berkaitan disiplin**

Menurut [27], antara peranan guru Pendidikan Islam dalam membentuk disiplin pelajar ialah dengan memberi teguran mengambil berat laporan disiplin serta memberi dendaan berbentuk pendidikan seperti membaca doa qunut, melaungkan azan dan membaca potongan ayat al-Quran. Namun, dapatan kajian mendapati guru Pendidikan Islam lebih suka menghantar pelajar bermasalah kepada guru disiplin.

Menurut [28], dalam kajiannya mendapati bahawa aktiviti kerohanian yang dijalankan oleh pihak sekolah masih kurang memberi kesan dalam membantu meningkatkan disiplin pelajar. Walau bagaimanapun, responden bersetuju bahawa aktiviti kerohanian yang dijalankan dapat menambahkan pengetahuan pelajar tentang aspek-aspek yang berkaitan dengan agama. Berdasarkan dapatan ini membuktikan bahawa aktiviti kerohanian termasuk PAFA memberi faedah kepada pelajar dan merupakan satu usaha dalam menerapkan nilai-nilai murni untuk membentuk disiplin diri yang baik.

Kajian [22], tentang faktor-faktor yang mempengaruhi kemerosotan disiplin dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Johor mendapati bahawa faktor kemerosotan disiplin pelajar dari segi sikap pelajar, rakan sebaya, keluarga dan suasana sekolah berada pada tahap yang sederhana. Hasil kajian beliau mendapati jenis salah laku disiplin seperti merosakkan harta benda, buli, ponteng dan kurang sopan berada pada tahap yang tinggi. Begitu juga kemahiran dalam mengurus disiplin dari persepsi guru disiplin juga berada pada tahap yang tinggi.

Menurut [29], dalam kajian beliau di empat buah sekolah menengah di kawasan Masai, Johor Bahru mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara profil personaliti pelajar terhadap salah laku pelajar (ponteng kelas dan sekolah, gangsterisme, vandalisme, budaya melepak dan pergaduhan antara pelajar) berdasarkan tahap pendidikan ibu bapa, demografi bangsa dan sikap ibu bapa.

Menurut [30], dalam kajian berkaitan pendekatan Islam dalam menangani masalah disiplin tegar dalam kalangan pelajar sekolah mendapati bahawa pendekatan Islam yang dilakukan telah berjaya memulihkan pelajar bermasalah disiplin tegar.

## RUJUKAN

1. Jabatan Pelajaran Johor. *Program Integrasi Tangani Anti-Sosial (PINTAS)*. Johor Bahru: Jabatan Pelajaran Negeri Johor. 2006.
2. Kasan, H. *Akhlaq Pelajar Cemerlang*. Kuala Terengganu: Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). 2008.
3. Minda Pengarang. Formula 1:3:7 selesai kes disiplin pulih reputasi sekolah. *Berita Harian*. ms. 12; 2011, Julai 16.
4. Mohamad, B., Suradin, A. & Khamisan, Z.H. Peranan Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral dalam Membina Sahsiah Pelajar Berkualiti. *Prosiding Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan*. Universiti Teknologi Malaysia. 22-23 Oktober 2008.
5. Chong Yee Pei. *Tugas guru dan suasana pengajaran pendidikan moral di sekolah*. Maktab Perguruan Tengku Ampuan Afzan Kuantan. 2000.
6. Abd. Hamid, M.A., Suratman, A.S. & Othman, M.F. Senario Pendidikan Moral Masyarakat Melayu Zaman Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT): Trend, Hala Tuju dan Model Pendidikan Moral Keluarga Islam. *Jurnal Teknologi*. Universiti Teknologi Malaysia. 2001. 35(E): ms. 45 – 70.
7. Ahmad, M.F. & Muhammad, M.. Pengajaran Pendidikan Islam dalam pembentukan akhlak dan sikap pelajar IPT. dalam. *Prosiding Kebangsaan Pendidikan Sains dan Teknologi 2009*. Batu Pahat: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn. 2009. ms. 55 – 68.
8. Lembaga Peperiksaan KPM. *Format Pentaksiran Mulai PMR 2005*. Kuala Lumpur: Lembaga Peperiksaan KPM. 2005.
9. *Kamus Dewan*. Edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2010.
10. Yusoff, K. *Fenomena dan Tingkah Laku Pondan di Daerah Kuala Terengganu*. Kuala Terengganu: Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin. 2005.

11. Ab. Latif, A.A. *Konsep kesedaran Islam menurut Hassan al-Banna*. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Mara; 1992.
12. Salleh, A.H. Disiplin : Sebuah Tinjauan Konsep Dari Segi Pendidikan. dalam. Mohd. Majzub, R. *et al.* (Ed). *Disiplin Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise. ms. 1 – 12; 1991.
13. *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia. 1988.
14. Dalip, A.R. Keunggulan-keunggulan Disiplin Dalam Islam. dalam. Mohd. Majzub, R. *et al.* (Ed). *Disiplin Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise. ms. 21- 45; 1991.
15. Galvin, P., Miller, A. & Nasj, J. *Behaviour and Discipline in Schools: Devising and Revising a Whole School Policy*. London: David Fulton Publishers. 1999.
16. Hassan, A.J. Situasi Disiplin Sekolah: Sorotan Imbas Sebuah Laporan Kajiselidik. dalam. Mohd. Majzub, R. *et al.* (Ed). *Disiplin Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise. ms. 85 – 119; 1991.
17. Ismail, A.M. *Kurang Berdisiplin Anda Boleh Mengubahnya*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd. 2009.
18. Mohd Salleh, A. *Falsafah, Sejarah dan Kaedah Pengajaran Pembelajaran Pendidikan Islam*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti. 2004.
19. Kementerian Pelajaran Malaysia. *Panduan Penilaian Perkara Asas Fardu Ain*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1994.
20. Lembaga Peperiksaan KPM. *Buku Panduan dan Rekod Pencapaian Penilaian PAFA*. Kuala Lumpur: Lembaga Peperiksaan KPM. 2005.
21. Pusat Perkembangan Kurikulum. *Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral Tingkatan 1*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
22. Karuppaya, K.S. *Faktor-faktor yang mempengaruhi kemerosotan disiplin di kalangan pelajar sekolah menengah di Johor*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia; 2007.
23. Tree Builder. *Teori Pembelajaran Sosial Bandura*. Dicapai pada Disember 9, 2011. di <http://treebuilder.blogspot.com/2010/11/teori-pembelajaran-sosial-bandura.html>. 2010.

24. Bakar, O. *Penilaian Perkara Asas Fardu Ain: Satu Kajian Kritis di Daerah Kuala Kangsar*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Utara Malaysia; 1995.
25. Yunus, A.M. *Keberkesanan PAFA dalam menangani masalah buta fardhu ain di kalangan pelajar: satu tinjauan ke atas pelajar tingkatan empat*. Tesis Sarjana Muda Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia; 1999.
26. Musa, H. *Penilaian Perkara Asas Fardu Ain: Amali Solat di Kalangan Pelajar Tingkatan 1, 2 dan 3 di Sek Men Keb Kubor Panjang, Kedah*. Tesis Sarjana Muda Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia; 2000.
27. Abdul Talib, A. *Peranan guru Pendidikan Islam dalam membentuk disiplin pelajar: Kajian kes di Sekolah Menengah Kebangsaan Majidi Baru, Johor Bahru*. Tesis Sarjana Muda Pendidikan (Pengajian Islam). Universiti Teknologi Malaysia; 2002.
28. Mohamed Salleh, M.Z. *Amalan solat terhadap pembentukan disiplin pelajar: satu kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Baloi, Pontian*. Tesis Sarjana Muda Pendidikan (Pengajian Islam). Universiti Teknologi Malaysia; 2002.
29. Syed Junid, S.R.. *Faktor-faktor yang mempengaruhi salah laku pelajar dan hubungannya dengan personaliti pelajar*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia; 2007.
30. Zainal, K. & Wan Hassan, W.Z. Pendekatan Islam dalam menangani masalah disiplin tegar dalam kalangan pelajar sekolah: satu kajian kes. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2009. 1(2): ms. 1-14.
31. Wilhelm, O. dan Engle, R.W.. *Handbook of Understanding and Measuring Intelligence*. London: SAGE. 2005.
32. Abu Bakar, M.F.. *Hubungan Antara Pendidikan Agama, Keseimbangan Kognitif dan Tingkah Laku Positif di Kalangan Pelajar Darjah Khas Sekolah Agama di Johor Bahru*. Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan (Psikologi Pendidikan). Universiti Teknologi Malaysia Skudai; 2007.
33. Poon C.K. *Pola Kecerdasan Pelbagai di Kalangan Pelajar Pintar Cerdas*, Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknologi Pendidikan). Universiti Teknologi Malaysia Skudai; 2007.
34. Mohamad Twon Tawi, F. *Kecerdasan Kejayaan dan hubungannya dengan pencapaian akademik pelajar kejuruteraan Universiti Tun Hussein Onn*

- Malaysia.* Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional. Universiti Tun Husseion Onn Malaysia; 2008.
35. Yahaya, A. & Faizah binti Idris, F. *Persepsi Pelajar Terhadap Pelakuan Agresif yang berlaku di Lima Buah Sekolah di Kawasan Bandar Johor Bahru.* Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. 2011.
  36. Zakaria, K. *Pengaruh Sikap dan Caragaya Kebapaan Terhadap Salah Laku Remaja Melayu Bersekolah.* Tesis Ijazah Sarjana. Universiti Putra Malaysia; 2001.
  37. Abd Kadir, H. & Mohd Mustiman, A.R. *Tingkah Laku Asertif Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Lima Aliran Sains Dan Sastera Di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Bentara Dalam, Segamat, Johor.* Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. 2010.
  38. Sulaiman, S & Mahat, N. *Tahap Pencapaian Kemahiran Proses Sains Dalam Mata Pelajaran Matematik Dalam Kalangan Pelajar Aliran Sains Dan Bukan Sains.* Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. 2010.
  39. Tan, P.S. & Azman, N.. Hubungan antara Komitmen Terhadap Alam Sekitar dengan Tingkah Laku Mesra Alam Sekitar dalam Kalangan Pelajar Universiti. *Jurnal Personalia Pelajar UKM.* 2011. Bil 14: ms. 11 – 22.
  40. Yahaya, A., Hashim, S., Boon, Y. & Mohammad Radzi, T.M.N. *Kefahaman Mengenai Konsep Gas Di Kalangan Pelajar-pelajar Tingkatan Empat Di Daerah Parit Buntar Perak.* Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. 2007.
  41. Ibrahim, M.A. & Mohd Aspar, N.H. *Tahap Literasi Sains Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat Sekolah Aliran Agama Di Daerah Hilir Perak.* Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, 2010.
  42. Syed Zainuddin, S.A.H. & Mohamed, M.. Keupayaan dan Sikap dalam Menyelesaikan Masalah Matematik Bukan Rutin. *Jurnal Teknologi.* Universiti Teknologi Malaysia (Sains Sosial). 2010. ms. 47–62.
  43. Kaprawi, N. Kajian Tinjauan. dalam Idris, N. (Ed). *Penyelidikan dalam Pendidikan.* Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd. ms. 196 – 214; 2010.
  44. Konting, M.M. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1990.

45. Idris, N.. Pensampelan. dalam. Idris, N. (Ed). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd. ms. 111 – 134; 2010.
46. Yamin, S.. *Statistik Dalam Penyelidikan Pendidikan*. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia. 2006.
47. Abdul Ghafar, M.N. *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia. 2003.
48. Alias, M.K. *Tanggapan pelajar tingkatan satu terhadap disiplin*. Tesis Ijazah Sarjana Muda Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia. 1999.
49. Siti Hajar Mohd Yusof. *Pembentukan Disiplin dalam kalangan pelajar wanita menerusi permainan bola jaring di sekolah menengah vokasional Batu Pahat*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Tun Hussein Onn. 2010.
50. Idris, N. Instrumentasi. dalam. Idris, N. (Ed). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd. ms. 136 - 161; 2010.
51. Polit, D.F., Beck, C.T., & Hungler, B.P. *Essentials of nursing research methods, appraisal, and utilization*. 5<sup>th</sup> Edition. Philadelphia: Lippincott. 2001.
52. Idris, N. Kesahan Dalaman. dalam. Idris, N. (Ed). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd. ms. 180 – 193; 2010.
53. Bond, T.G. & Fox, C.M. *Applying the Rasch Model Fundamental Measurement in the Human Sciences*. Ed.2. New Jersey: Lawrence Enlbaum Associates. 2007.
54. Linacre, J.M. *Winsteps Computer Program Version 3.48*. Chicago: [www.winsteps.com](http://www.winsteps.com). 2003.
55. Wiersma, W. *Research Methods In Education: An Introduction*. 6<sup>th</sup> Edition. Boston: Allyn and Bacon. 1995.